

12 MAR 1997

PROGRAM BERSEPADU ATASI GEJALA SOSIAL DI NS

SEREMBAN, 12 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata, semua program yang berkaitan dengan usaha membanteras gejala sosial di negeri ini akan dilaksanakan secara bersepadu bagi mengelakkan pertindihan.

Setiap program yang akan dijalankan itu akan dipastikan ianya berlainan melalui penyelarasan yang akan dibuat menerusi Jawatankuasa Menangani Masalah Sosial negeri, katanya.

Sehubungan itu, semua pihak yang terbabit dengan pelaksanaan program sedemikian termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan diminta memberikan kerjasama kepada jawatankuasa itu, katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini, hari ini.

Menurut beliau, ini akan dapat memastikan setiap program yang dirancangkan itu dilaksanakan dengan berkesan.

Beliau berkata demikian ketika mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang tidak mahu program mengatasi gejala sosial di negara ini dibuat secara tergesa-gesa dan mengikut emosi.

Menteri Besar berkata, di Negeri Sembilan terdapat lebih 100 program yang akan dan sudah dirancang untuk membanteras gejala sosial.

Beliau juga berkata, jika sesebuah negeri atau jabatan kerajaan mempunyai program yang berkesan maka negeri serta jabatan kerajaan yang lain boleh mencontohi program terbabit. -- BERNAMA

RAB PR